

TARIKH	AHAD, 2 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	UTAMAKAN KHIDMAT TERBAIK KEPADA RAKYAT
M/S	14
BIDANG	CIVIL SERVICES
KATA KUNCI	CIVIL SERVICES

Utamakan khidmat terbaik kepada rakyat

Anggota perkhidmatan awam perlu responsif laksana amanah

Putrajaya: Anggota perkhidmatan awam perlu sentiasa proaktif dan responsif terhadap keperluan semasa rakyat dan negara dalam menggalas tanggungjawab diamanahkan kepada mereka.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata kerjasama kukuh dan sokongan rentas agensi dengan mengetepikan kepentingan individu serta ego, adalah ramuan utama kejayaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.

“Tahun 2022 bakal menjanjikan sekali lagi sinar harapan yang gemilang buat kita semua dan memperbaiki apa juga kelemahan serta kekurangan yang kita ada.

“Kita panjatkan setinggi doa ke hadirat Allah semoga ekonomi negara yang sebelumnya goyah, kembali teguh dan gagah.

“Alhamdulillah, kita bersama-sama bersepakat dalam satu sinergi mantap untuk mengimbangi antara kepentingan nyawa serta kelangsungan hidup rakyat dengan pelaksana-



Anggota perkhidmatan awam perlu sentiasa proaktif dan responsif terhadap keperluan semasa rakyat dan negara. (Foto hiasan)

an Pelan Pemulihan Ekonomi yang komprehensif dan inklusif,” katanya dalam perutusan Amanat Tahun Baharu 2022

menerusi entri di Facebook, semalam.

Beliau berkata, ia merangkumi lapan pakej rangsangan,

antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kita PRIHATIN dianggar berjumlah lebih RM530 bilion, khusus untuk membantu kelangsungan perniagaan serta kesejahteraan rakyat.

Katanya, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilaksanakan kerajaan memastikan setiap rakyat mendapat akses kepada vaksinasi bagi usaha menjamin keselamatan diri rakyat dari penularan berterusan wabak COVID-19 dalam negara. BERNAMA

“Kerjasama kukuh dan sokongan rentas agensi dengan mengetepikan kepentingan individu serta ego, adalah ramuan utama kejayaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara”

Mohd Zuki Ali,
Ketua Setiausaha Negara



DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM

2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM

UNIT PERPUSTAKAAN, BPM